

15 MAY 1998

Mahathir-Suharto

SUHARTO SUDAH LAMA NYATAKAN HASRATNYA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

KHARTOUM, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Presiden Suharto sudah lama menyatakan beliau sedia meletakkan jawatannya sekiranya rakyat tidak lagi mahukannya memimpin Indonesia yang kini dilanda ketidaktentuan politik itu.

"Dia sudah lama kata semacam tu. Tapi apa yang dia berasa tidak senang hati ialah ada orang luar mengambil bahagian (untuk menjatuhkannya)," kata Dr Mahathir kepada Bernama di sini lewat hari Khamis ketika diminta mengulas mengenai keadaan terkini di Indonesia.

Dr Mahathir yang akan mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke Sudan lewat Jumaat, berkata beliau sempat mengadakan pertemuan ringkas dengan Presiden Suharto di Kaherah pada Rabu lepas. Kedua-dua pemimpin itu berada di ibu negara Mesir itu untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G-15).

Perdana Menteri berkata bagaimanapun dalam pertemuan itu, beliau menyatakan kepada Presiden Suharto mengenai sokongan Malaysia terhadap usaha yang sedang diambil untuk memulihkan ekonomi Indonesia.

"Kita menyokong usaha Indonesia untuk memulihkan ekonominya dengan mengikut kehendak-kehendak IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa)," kata Dr Mahathir.

Beliau juga ditanya tentang rusuhan dan keganasan yang semakin merebak apabila orang ramai memecah masuk ke kedai-kedai dan membakar harta awam di ibu negara Indonesia itu.

Katanya keadaan seperti yang berlaku di Indonesia sekarang sudah tentu boleh merebak jika berlaku di mana-mana juga termasuk di Malaysia.

Terdahulu daripada itu, dalam pertemuannya dengan sekumpulan pelajar Malaysia di sini, Dr Mahathir berkata Presiden Suharto bukan menjadi punca kejatuhan ekonomi ke paras yang paling buruk dalam lebih 30 tahun seperti yang dialami sekarang.

Katanya Indonesia sebenarnya telah menjadi negara membangun yang begitu maju di bawah kepimpinan Suharto berbanding keadaan sebelumnya.

"Di zaman pemerintahan Presiden Sukarno dahulu, kita di Malaysia sering dengar rakyat Indonesia begitu miskin, tidak mempunyai cukup makanan sehingga ada yang dilaporkan makan tikus," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Indonesia di bawah Suharto, telah menjadi jauh lebih maju dan makmur tetapi apa yang berlaku kini sebenarnya disebabkan krisis ekonomi, yang seperti di Malaysia, berlaku oleh kerana kejatuhan matawang Indonesia.

Dr Mahathir berkata matawang Indonesia Rupiah telah jatuh 400 peratus manakala Ringgit Malaysia jatuh 50 peratus akibat perbuatan spekulasi matawang.

"Memang ada percubaan untuk menjatuhkan Presiden Suharto oleh pihak luar. Seperti juga di Malaysia, ada percubaan untuk menjatuhkan saya oleh pihak luar," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir memberitahu pelajar Malaysia di Kaherah minggu lepas bahawa Malaysia telah memberi pinjaman sementara sebanyak AS\$250 juta kepada Indonesia untuk menyumbang ke arah pemulihan ekonominya.

Katanya, Indonesia akan membayar balik pinjaman itu apabila ia menerima pakej pemulihan ekonomi IMF tidak lama lagi.

Dr Mahathir memberitahu pelajar Malaysia di sini bahawa keadaan di Indonesia memang membimbangkan terutama begitu banyak syarikat termasuk bank telah menjadi muflis dan 20 juta orang dilaporkan kehilangan pekerjaan.

Presiden Suharto yang berada di Kaherah untuk Sidang G-15 walaupun berdepan dengan keadaan yang meruncing di negaranya, terpaksa memendekkan lawatan rasminya di Mesir selepas mesyuarat itu apabila pergolakan menjadi tidak menentu.

Suharto telah memberitahu masyarakat Indonesia dalam pertemuan di Kaherah bahawa beliau sedia melepaskan jawatannya sekiranya rakyat tidak lagi mahukan beliau memimpin negara itu.

Media Indonesia yang meliputi lawatannya melaporkan Suharto berikrar tidak akan mempertahankan kuasanya secara kekerasan.

-- BERNAMA

AU NMO